



**MAYAT** seorang bayi lelaki dijumpai berhampiran surau di sebuah stesen minyak di Bukit Tinggi, Klang, semalam.

*Berita Harian 16/05/2010*

## **Mayat bayi dalam plastik sampah**

*MIS 12*

**KLANG:** Seorang pekerja sebuah stesen minyak berhampiran pusat beli-belah di Bukit Tinggi di sini, tidak menyangka beg plastik hitam yang disangkanya mengandungi sampah sebenarnya berisi mayat seorang bayi lelaki.

Dalam kejadian kira-kira jam 6.30 pagi semalam, pekerja berkenaan, seorang lelaki warga Nepal menemui plastik hitam di atas rumput berhampiran surau di stesen minyak itu sebelum mengangkatnya untuk dibuang bersama sampah lain.

Bagaimanapun, beliau yang berasa curiga dengan kandungan beg plastik itu selepas mendapatinya lebih berat berbanding

biasa, membukanya dan terkejut apabila melihat mayat bayi yang cukup sifit itu yang dalam keadaan berdarah.

Pekerja itu kemudian menghubungi polis bagi memaklumkan penemuan, kira-kira jam 7 pagi.

Ketua Polis Daerah Klang, Asisten Komisioner Mohamad Mat Yusop, berkata berdasarkan maklumat diterima, pekerja itu melihat satu mayat bayi lelaki berkulit cerah selepas membuka beg plastik berkenaan.

"Ketika ditemui, mayat bayi ini berbalut dengan tuala putih. Bayi itu dipercayai baru dilahirkan dalam tempoh 24 jam berdasarkan keadaan tali pusat yang masih berdarah," katanya.